

**PENGGUNAAN MOTIF SENI UKIR KAYU DI DALAM INDUSTRI  
BATIK DI KELANTAN**

**NOOR ADZDALIANA BINTI MOHAMED ZAWAWI**

**97396675**

**IJAZAH SARJANA MUDA SENI REKA TEKSTIL  
FAKULTI SENI LUKIS DAN SENI REKA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN KELANTAN  
18 500 MACHANG  
KELANTAN.**

# PENGGUNAAN MOTIF SENI UKIR KAYU DI DALAM INDUSTRI

## BATIK DI KELANTAN

**NOOR ADZDALIANA BINTI MOHAMED ZAWAWI**

**97396675**

Tesis ini dikemukakan kepada Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Muda Seni Reka Tekstil.

1. Diperiksa oleh .....

Tarikh .....

2. Diperiksa oleh .....

Tarikh .....

3. Diperiksa oleh .....

Tarikh .....

Dekan,

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka,

Universiti Teknologi MARA,

40450 Shah Alam,

Selangor Darul Ehsan.

## **PENGHARGAAN**

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan izinnya juga berkat kesabaran dan ketenteraman, maka kajian ini dapat disiapkan dengan semampu yang mungkin. Penulis ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat di dalam usaha menyiapkan tesis ini. Sesungguhnya kerjasama yang telah diberikan ini terlalu bernilai bagi diri saya.

Pertama-tamanya, ucapan jutaan terima kasih dihulurkan buat penyelia tesis ini iaitu Encik Danuri B. Sakijan selaku Pensyarah Jabatan Seni Lukis dan Seni Reka di atas segala teguran, tunjuk ajar, dorongan dan semangat serta keyakinan yang telah diberikan .

Ribuan terima kasih juga diucapkan buat semua Pensyarah Jabatan Seni Reka, kakitangan bengkel Jabatan Seni Reka, kakitangan Perpustakaan Tun Abdul Razak 1 (PTAR), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, kakitangan Perbadanan Awam Kelantan dan semua kakitangan Perpustakaan Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih buat ayahanda dan bonda tersayang iaitu Encik Mohamed Zawawi B. Awang dan Puan Rahimah Bt. Ismail diatas doa dan restu, pengorbanan dan segala perhatian yang telah diberikan selama ini. Begitu juga dengan adik-adik tersayang iaitu Mohd Nasyaruddin dan Nurul Izati yang sanggup bersusah payah dan membantu menyiapkan kajian ini.

## **SINOPSIS**

Kajian ini merupakan satu tinjauan mengenai penggunaan motif seni ukiran kayu di dalam industri batik di Kelantan. Kajian ini meliputi tentang permasalahan reka corak batik di Kelantan dan permasalahan yang timbul di kalangan pengusaha batik di dalam menghasilkan batik yang bermotifkan ukiran kayu.

Dalam melakukan kajian ini, kaedah yang dibuat oleh pengkaji ialah berbentuk temubual berstruktur iaitu dengan enam orang pengusaha batik, sepuluh orang peniaga batik dan tiga puluh orang pembeli.

Lokasi kajian ini adalah tertumpu di kawasan Kota Bharu dan sekitar kawasan di sepanjang jalan ke Pantai Cahaya Bulan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa motif ukiran kayu tidak digunakan atau diadaptasikan dalam industri batik di Kelantan. Para pengusaha batik beranggapan bahawa motif ukiran kayu tidak mungkin mendapat sambutan sekiranya ia dibuat dan mereka tidak berani untuk mencubanya walaupun motif ini dapat menonjolkan identiti masyarakat Melayu. Sesungguhnya motif ukiran kayu lebih sesuai dihasilkan melalui teknik cetakan.

## **SENARAI KANDUNGAN**

<b>JUDUL</b>	<b>MUKA SURAT</b>
HALAMAN PEMERIKSA	I
PENGHARGAAN	II
SINOPSIS	IV
SENARAI KANDUNGAN	V
SENARAI GAMBAR	VII
 BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pemasalahan Kajian	16
1.4 Kepentingan Kajian	18
1.5 Persoalan Kajian	18
1.6 Hipotesis	19
1.7 Skop Kajian	19
1.8 Definisi	20
 BAB 2 : KAJIAN-KAJIAN LAMPAU	
2.1 Pendahuluan	22
2.2 Penulisan Kajian Lampau	22
2.3 Contoh-contoh Kajian	26
2.4 Kesimpulan	31